



POLISI ANTIRASUAH JABATAN PERTANIAN

Sumber Rujukan Mengenai Perlakuan Rasuah,
Mekanisme Pelaporan dan Pencegahan Rasuah

1. BUKU POLISI ANTIRASUAH JABATAN PERTANIAN

- Polisi Antirasuah Jabatan Pertanian dibangunkan sebagai satu usaha dalam memerangi perlakuan rasuah, penyalahgunaan kuasa atau penyelewengan.
- Buku Polisi Antirasuah Jabatan Pertanian ini menerangkan secara menyeluruh mengenai usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Pertanian dalam menguruskan rasuah secara berkesan.
- Buku ini diharapkan dapat dijadikan panduan dalam memahami dasar antirasuah dan polisi-polisi lain yang berkaitan seperti pemberian dan penerimaan hadiah, sumbangan politik, derma dan tajaan serta undang-undang dan peraturan berkuat kuasa yang digunakan oleh Jabatan Pertanian.
- Polisi ini terpakai kepada semua warga Jabatan Pertanian. Polisi ini juga hendaklah dijadikan panduan oleh pemegang taruh, rakan niaga atau mana-mana individu/ organisasi yang berurusan dengan warga/ fasiliti Jabatan Pertanian.

Buku ini boleh didapati di :

http://www.doa.gov.my/index/resources/aktiviti_sumber/sumber_awam/penerbitan/buku/polisi_antirasuah_DOA_v2.pdf

2. PENGISYTIHARAN REKOD KESIHATAN BAGI MEMBUDAYAKAN GAYA HIDUP SIHAT PENJAWAT AWAM



- Selaras dengan pelaksanaan Inisiatif Saringan Kesihatan Kebangsaan 2022, Kerajaan bersetuju agar semua penjawat awam digalakkan untuk :
 - a) **Mengisyiharkan Penyakit Tidak Berjangkit (PTB) yang dihidapi** seperti penyakit tekanan darah tinggi, diabetes, penyakit jantung dan kolesterol tinggi melalui Sistem HRMIS;
 - b) Bagi pegawai yang tidak menghidap PTB, **melaksana dan mengisyiharkan saringan kesihatan kendiri** melalui Sistem HRMIS bagi ukuran berat dan tinggi untuk menentukan BMI, tekanan darah, kandungan gula dan kolesterol dalam darah.

Maklumat lanjut mengenai perkara ini boleh diperolehi dengan merujuk kepada :

Surat Pengisyiharan Rekod Kesihatan Bagi Membudayakan Gaya Hidup Sihat Penjawat Awam JPA.(S).600-1/6/17 (45) bertarikh 6 September 2022

3. TAHUKAH ANDA? INTEGRITY PACT

- Pelaksanaan *Integrity Pact* dalam perolehan Kerajaan merupakan satu daripada tujuh inisiatif di bawah *National Key Result Area (NKRA) – Corruption Integrity*.
- Pelaksanaan *Integrity Pact* dalam perolehan Kerajaan dimaklumkan oleh Kementerian Kewangan melalui Surat Arahan Perbendaharaan bertarikh 1 April 2010 yang hanya melibatkan pembida sahaja.
- Kementerian Kewangan memutuskan supaya *Integrity Pact* diperluaskan pelaksanaannya dalam perolehan Kerajaan untuk :
 - i. Penjawat awam yang terlibat dalam perolehan Kerajaan;
 - ii. Ahli Jawatankuasa berkaitan perolehan;
 - iii. Ahli Lembaga/ Jawatankuasa perolehan;
 - iv. Pembida; dan
 - v. Pelantikan Perunding.

Tujuan Utama Pelaksanaan :

- Mengelak petender/ penyebut harga dari menawar atau memberi rasuah;
- Menghendaki petender/ penyebut harga melaporkan sebarang kesalahan rasuah kepada Pihak Berkuasa; dan
- Memastikan Kerajaan tidak menanggung "unnecessary costs" dalam pelaksanaan urusan perolehan.

Sumber : Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 10 Tahun 2010 Kementerian Kewangan Malaysia



03-88703163



@integritidoa



integriti@doa.gov.my



www.doa.gov.my